



28 November 2014  
28 November 2014  
P.U. (A) 319

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 4) 2014

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(CITY OF KUALA LUMPUR) (NO. 4) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 4) 2014

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 497 yang disiarkan pada 10 November 2014, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 4) 2014.**
  
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2014.

**Larangan**

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

## JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
Sebahagian Jalan Pelanduk dari persimpangannya dengan Jalan Kijang hingga ke persimpangannya dengan Jalan Seladang sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	<p>(i) Kenderaan dari Jalan Kijang menghala ke Jalan Seladang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>(ii) Kenderaan dari Jalan Seladang menghala ke Jalan Kijang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	Mulai 1 Disember 2014